

Takziah MT UMNO kepada PM

KUALA LUMPUR 30 Sept. — Majlis Tertinggi (MT) UMNO akan menghantar surat takziah kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan keluarga berikutan kematian abangnya, Mashahor Mohamad pagi ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, ahli-ahli MT juga telah menghadihkan al-Fatihah kepada Allahyarham Mashahor sebelum memulakan mesyuarat khas majlis itu petang ini.

“Sebelum mesyuarat dimulakan ahli MT sudah menyedekahkan al-Fatihah kepada arwah dan kami telah membuat keputusan untuk menghantar surat takziah kepada Dr. Mahathir dan juga ahli keluarganya,” kata beliau.

Abdullah yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat tersebut di Pusat Dagangan Dunia Putra lewat petang ini.

Beliau mengambil alih kedudukan Dr. Mahathir selaku Presiden UMNO yang bergegas ke Sungai Petani pagi ini sebaik sahaja menerima berita kematian tersebut.

Jawatan terakhir Allahyarham adalah sebagai Penolong Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah.

Jenazah Allahyarham disemadikan di Tanah Perkuburan Masjid Penghulu Him, Sungai Petani.

Dr. Mahathir, yang bongsu, mempunyai dua orang kakak, Rafeah, 89, dan Habsah, 87, manakala seorang lagi abangnya Mahadi, meninggal dunia dua tahun lepas.